

# Bajet 2007

## Inti pati

- Cukai korporat dikurangkan secara berperingkat iaitu kepada 27 peratus bagi taksiran 2007 dan 26 peratus (2008).
- Syarikat modal teroka yang melabur minimum 50 peratus daripada dana pelaburan "seed capital" dikecualikan cukai pendapatan 10 tahun.
- Tribunal Kastam ditubuhkan untuk mempertimbangkan rayuan terhadap keputusan yang dibuat Ketua Pengarah Kastam berhubung pentadbiran cukai.
- Tempoh layak tuntutan cukai jualan dan cukai perkhidmatan berkaitan hutang lapuk dipendekkan daripada 12 bulan kepada enam bulan
- Kompaun minimum kes penyeludupan dan "under declaration" barang berduit tinggi ditetapkan lima kali ganda daripada jumlah cukai.
- RM 3.6 bilion diperuntukkan kepada sektor pertanian bagi tingkatkan produktiviti dan kecekapan pengeluaran.
- a Peruntukan Tabung Makanan ditambah menjadi RM1.9 bilion.
- a Skim Kredit Pertanian Bukan Makanan diwujudkan dengan peruntukan RM20juta.
- RM210 juta diperuntukkan bagi pembangunan bioteknologi.
- Perbadanan Kemajuan Industri Halal ditubuhkan bagi memajukan industri halal.
- . Taman Halal ditubuhkan di Pasir Mas, Gambang, Cendering dan Padang Besar dengan peruntukan RM50juta.
- a Tempoh layak menuntut galakan cukai bagi pembelian komputer diberi setiap tiga tahun berbanding lima tahun sekarang.
- Pelepasan cukai RM3,000 bagi menggantikan rebat cukai RM500 bagi pembelian komputer.
- Pelepasan cukai individu terhadap yuran pengajian sehingga had maksimum RM5,000 setahun diperluaskan kepada pengajian dalam bidang kewangan Islam.
- \* RM33.4 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan modal insan.
- bagi pembinaan sekolah dan RM90 juta untuk dua Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).
- RM101 juta diperuntukkan bagi membina rumah guru
- dan RM782 juta bagi latihan semula guru.
- RM288 juta diperuntukkan bagi program Pembastarian Sekolah.
- Bahasa Cina diajar sebagai subjek penuh di 150 sekolah kebangsaan manakala bahasa Tamil di 70 sekolah kebangsaan mulai 2007.
- Pelajar yang memperoleh 10A1 dalam SPM daripada keluarga berpendapatan kurang RM1,500 sebulan diberi biasiswa melanjutkan pelajaran hingga peringkat ijazah.
- Jumlah geran pelancaran bagi mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak diperluaskan ke semua jabatan kerajaan dan ditambah kepada RM80,000.
- RM721 juta diperuntukkan bagi program belia dan sukan.
- RM125 juta diperuntukkan bagi membina tiga hospital baru di Shah Alam (Selangor), Pandang (Kedah) dan Permai (Johor).
- Bank Pembangunan Malaysia menubuhkan Dana Biodiesel berjumlah RM500 juta bagi memajukan industri biodiesel.
- Elaun gantian motosikal untuk polis peronda dinaikkan daripada RM80 ke RM120.
- a RM100 juta diperuntukkan bagi menubuhkan Dana Pembangunan Industri Kreatif serta mengenal pasti pihak swasta untuk melabur secara usaha sama.
- Potongan cukai kepada sektor swasta yang menaja persembahan dan pertunjukan kesenian, kebudayaan dan warisan dinaikkan kepada RM500,000.
- a Kemudahan membayar bil di Pos Malaysia Berhad diperluaskan untuk merangkumi pembayaran bil agensi lain kerajaan seperti cukai tanah, cukai pintu dan pembentungan.
- a Dua cawangan baru Jabatan Imigresen diwujudkan di Cheras dan Wangsa Maju, Kuala Lumpur.
- a Jabatan Perumahan Negara akan membina 30,000 rumah menerusi Program Perumahan Rakyat manakala Syarikat Perumahan Negara Berhad akan membina 34,000 unit rumah mampu milik.
- a RM2.2 bilion bagi pembinaan kemudahan perumahan rakyat dan kuarters untuk kakitangan polis, tentera, kastam dan Jabatan Bomba dan Penyelamat serta kakitangan awam lain.
- a Syarikat Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) ditubuhkan bagi membangunkan sumber air serta meningkatkan perkhidmatan bekalan air.
- > Pengecualian cukai terhadap pemberian tunai atau barangan seperti anugerah khas daripada majikan syarikat swasta kepada kakitangannya, tidak melebihi RMI,000.
- . Syarikat Prasarana Negara Berhad melaksanakan program menambah kapasiti bas dan rel bandar serta infrastruktur lain di Lembah Klang membabitkan RM10 bilion.
- a Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam ditubuhkan sebagai tabung pusingan menerusi, SME Bank dengan peruntukan RM200 juta.
- Pelaksanaan KPI akan diperluaskan ke semua kementerian dan agensi kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9).